

# **MODUL PENINGKATAN PRESTASI TINGKATAN 5**

**TAHUN 2023**

---

**BAHASA MELAYU**

**KERTAS 1**

---

---

**PERATURAN PEMARKAHAN**

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 14 halaman bercetak

## Bahagian A

[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab.*

*Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan bangunan bersejarah.*

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang pemeliharaan bangunan bersejarah di Malaysia.*

*Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

Usaha memelihara bangunan bersejarah negara seperti Bangunan Sultan Abdul Samad di Kuala Lumpur dan Kota A'Famosa di Melaka perlu diteruskan. Tindakan ini akan dapat memastikan generasi muda sentiasa menghargai sejarah. Bangunan-bangunan ini telah menjadi bukti bahawa peristiwa sejarah itu perlu dikenang.

Sumber: [www.mstar.com.my](http://www.mstar.com.my)



Tarikan pelancong



Semangat patriotik

## SOALAN BAHAGIAN A (30 markah)

### 1. Format penulisan komen:

**T – menepati tema**

**I – relevan, huraian jelas**

**B – gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas**

**P – sangat menarik dan berkesan**

*Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan bangunan bersejarah.*

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **pemeliharaan bangunan bersejarah di Malaysia.***

*Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.***

### 2. Kehendak / tugas soal:

- i. Calon dikehendaki menghuraikan **kebaikan / manfaat / faedah / kelebihan / kepentingan pemeliharaan bangunan bersejarah.**
- ii. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan iaitu:
  - Memastikan generasi muda sentiasa menghargai sejarah
  - Meningkatkan semangat patriotik
  - Menjadi tarikan pelancong
- iii. Calon **perlu menyentuh semua bahan** sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
- iv. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan dengan **kepentingan pemeliharaan bangunan bersejarah** - diterima dan disemak seperti biasa.
- v. Jika calon tidak menyentuh semua bahan – maksimum peringkat **KEPUJIAN.**
- vi. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – maksimum peringkat **KEPUJIAN.**
- vii. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan - maksimum peringkat **MEMUASKAN.**

## Panduan Pemarkahan Tambahan

- viii. **Sekiranya calon menghuraikan usaha-usaha dan dikaitkan dengan kebaikan – maksimum MEMUASKAN.**
  - ix. **Sekiranya calon menulis perenggan pendahuluan kemudian menyalin bahan ayat-ayat daripada bahan tanpa huraian – maksimum TMTPM (4-5 markah)**
  - x. **Sekiranya calon tidak menulis perenggan pendahuluan tetapi hanya menyalin ayat-ayat daripada bahan tanpa huraian – maksimum TMTPM (2-3 markah)**
- **Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**

## SOALAN BAHAGIAN B (70 markah)

### 1. Format penulisan komen:

**T – menepati tema**

**I – relevan, huraian jelas**

**B – gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas**

**P – sangat menarik dan berkesan**

### Soalan 1

Kuih tradisional seperti lepat pisang, kuih bakul dan muruku menjadi satu keunikan dan identiti kaum yang terdapat di Malaysia. Namun begitu, hidangan istimewa ini semakin dilupakan oleh generasi kini. Tidak menepati selera, tiada pendedahan awal dan sikap lebih mengagungkan makanan luar negara dianggap penyumbang ke arah situasi ini. Kita perlu mencontohi rakyat negara Jepun yang berbangga menyajikan makanan warisan mereka biarpun telah menjadi negara maju.

Sumber: *Dewan Budaya*, Bil 5/2021

Berdasarkan petikan di atas, terdapat beberapa faktor yang telah menyebabkan kuih tradisional di Malaysia kurang mendapat sambutan daripada generasi kini.

Bincangkan faktor-faktor tersebut.

**Kehendak / tugas soal:**

1. Calon dikehendaki **menghuraikan faktor-faktor yang telah menyebabkan kuih tradisional di Malaysia kurang mendapat sambutan daripada generasi kini seperti yang terdapat dalam petikan iaitu :**
  - Tidak menepati selera
  - Tiada pendedahan awal
  - Sikap lebih mengagungkan makanan luar negara

**Kemungkinan jawapan :**

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan idea-idea lain berkaitan dengan faktor – terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan idea lain berkaitan dengan faktor tanpa menyentuh / menyentuh sebahagian sahaja idea dalam petikan – maksimum **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan faktor-faktor yang terdapat dalam petikan secara umum (tidak dikaitkan dengan kuih tradisional) – maksimum **KEPUJIAN**.
4. Calon menghuraikan idea luar yang berkaitan dengan makanan secara umum / **makanan tradisional** – maksimum **BAIK**.
5. **Calon menghuraikan langkah-langkah memastikan kuih tradisional mendapat sambutan daripada generasi kini – maksimum MEMUASKAN.**
6. **Sekiranya calon menghuraikan punca tetapi huraian dikaitkan dengan langkah – maksimum BAIK.**

## Soalan 2

Sektor pertanian telah menyumbang kepada asas pembentukan ekonomi Malaysia dalam era selepas kemerdekaan. Namun begitu, sektor pertanian kian terpinggir dalam kepesatan pembangunan dan kemajuan negara walaupun peranannya masih sangat relevan. Golongan muda pula lebih selesa menganggur berbanding dengan menceburi bidang pertanian.

Sumber: animhosnan.blogspot.com

Huraikan peranan pelbagai pihak untuk menjadikan bidang tersebut diminati oleh golongan muda.

### Kehendak / tugas soalannya:

1. Calon dikehendaki menghuraikan peranan pelbagai pihak untuk menjadikan bidang pertanian diminati oleh golongan muda.
  - Pihak kerajaan
  - Pihak masyarakat
  - Keluarga
  - Media massa
  - Sekolah
  - Rakan sebaya

### Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan banyak pihak untuk menjadikan bidang pertanian diminati oleh golongan muda – terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan **satu pihak tetapi banyak usaha** untuk menjadikan bidang pertanian diminati oleh golongan muda – **maksimum KEPUJIAN**.
3. **Sekiranya calon menghuraikan kebaikan bidang pertanian – maksimum MEMUASKAN.**

### Soalan 3

Dalam meniti era globalisasi ini, amalan membaca dalam kalangan generasi muda semakin pudar. Terdapat kajian yang menyatakan bahawa purata pembacaan buku oleh generasi muda hanya tiga jam seminggu. Cabaran utama yang dihadapi oleh mereka untuk membudayakan amalan membaca ialah pengaruh persekitaran, permainan dalam talian dan kurang galakan daripada ibu bapa.

Sumber: *utusan.com.my/nasional/2021*

Berdasarkan petikan di atas, terdapat beberapa cabaran untuk membudayakan amalan membaca dalam kalangan generasi muda.

Bincangkan.

**Kehendak / tugas soalannya:**

1. Calon dikehendaki **menghuraikan cabaran yang dihadapi untuk membudayakan amalan membaca dalam kalangan generasi muda seperti yang terdapat dalam petikan.**
  - Pengaruh persekitaran
  - Permainan dalam talian
  - Kurang galakan daripada ibu bapa

**Kemungkinan jawapan :**

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan idea-idea lain berkaitan cabaran – terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan idea lain berkaitan dengan cabaran tanpa menyentuh / menyentuh sebahagian sahaja idea dalam petikan – maksimum **KEPUJIAN.**
3. **Sekiranya calon menghuraikan langkah / kebaikan memupuk amalan membaca – maksimum MEMUASKAN.**

#### Soalan 4

Penduduk di dunia berkongsi alam sekitar yang sama. Alam sekitar merupakan segala benda hidup dan bukan hidup yang wujud secara semula jadi di permukaan bumi atau sebahagian daripadanya. Alam sekitar juga boleh disebut sebagai flora dan fauna yang banyak memberikan kebaikan kepada kita. Namun begitu, alam sekitar kini semakin diancam kemusnahan akibat kerakusan manusia. Oleh itu, semua negara di dunia perlu berganding bahu untuk menangani isu ini.

Sumber: E-majalah Pembangunan Alam Sekitar, 2021

Anda akan menyertai pertandingan syarahan sempena Hari Alam Sekitar Sedunia. Tajuk syarahan anda ialah 'Alam Sekitar Tanggungjawab Negara-negara di Dunia.'

Sediakan teks syarahan anda selengkapnya.

#### Kehendak / tugasan soalan:

1. Calon dikehendaki **menyediakan teks syarahan tentang tanggungjawab negara-negara di dunia terhadap alam sekitar.**
  - Mengadakan forum / seminar / simposium peringkat antarabangsa
  - Menyeragamkan undang-undang alam sekitar
  - Mewujudkan kerjasama serantau
  - Memperuntukkan dana untuk pemeliharaan alam sekitar
  - Perkongsian teknologi / kepakaran

#### Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan tanggungjawab sebuah negara sahaja – terima seperti biasa
2. Calon menghuraikan tanggungjawab tanpa menyatakan nama negara – terima seperti biasa.
3. Calon menghuraikan tanggungjawab dalam negara (di Malaysia sahaja) – maksimum **BAIK.**
4. **Calon tidak menulis dalam format syarahan – maksimum KEPUJIAN.**



- Jika calon menulis dalam bentuk poin (Bahagian A dan B) – maksimum peringkat TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)
- Bahagian B
  - Bilangan perkataan 511 dan ke atas – maksimum peringkat KEPUJIAN
  - Bilangan perkataan 339 dan ke bawah – maksimum peringkat BAIK
- Jika calon menghafal karangan – maksimum TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM).
- Jika calon hanya menyalin stimulus – maksimum 2 markah.

**Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan  
[30 markah]**

**KRITERIA PENSKORAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<b>Cemerlang</b>	<b>26 – 30</b> (28 – 30) (26 – 27)	<p><b><u>Tema / Tugas</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepati tema</b> bahan rangsangan / tugas.</li> </ul> <p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>relevan</b> dengan tema bahan rangsangan / tugas.</li> <li>• Huraian <b>jelas</b> dan <b>matang</b>.</li> </ul> <p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa <b>gramatis</b> dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>luas</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Unsur bahasa yang digunakan <b>bervariasi</b>.</li> <li>• Penggunaan *ungkapan menarik yang <b>sesuai</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Ejaan yang <b>betul</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu.</li> <li>• Penggunaan tanda baca <b>betul</b> dan <b>tepat</b>.</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>menarik</b> dan <b>berkesan</b>.</li> <li>• Laras bahasa <b>sesuai</b> mengikut tugas.</li> <li>• Wacana <b>lengkap</b>.</li> <li>• Pemerenggan <b>sesuai</b>.</li> </ul> <p><b>*Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat al-Quran dan lain-lain</b></p>
<b>Kepujian</b>	<b>20 – 25</b> (23 – 25) (20 – 22)	<p><b><u>Tema / Tugas</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepati</b> tema bahan rangsangan / tugas.</li> </ul> <p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>relevan</b> dengan tema bahan rangsangan / tugas.</li> <li>• Huraian <b>jelas</b>.</li> </ul> <p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa <b>gramatis</b> dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>luas</b>.</li> <li>• Unsur bahasa yang digunakan <b>bervariasi</b>.</li> <li>• Ejaan yang <b>betul</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu.</li> </ul>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan tanda baca <b>betul</b> dan <b>tepat</b>.</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>menarik</b>.</li> <li>• <b>Laras</b> bahasa <b>sesuai</b> mengikut tugasan.</li> <li>• Wacana <b>lengkap</b>.</li> <li>• Pemerenggan <b>sesuai</b>.</li> </ul>
<b>Memuaskan</b>	<p><b>15 – 19</b> (17 – 19) (15 – 16)</p>	<p><b><u>Tema / Tugasan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih</b> menepati tema bahan rangsangan / tugasan.</li> </ul> <p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>masih</b> relevan dengan tema bahan rangsangan / tugasan.</li> <li>• Huraian <b>masih</b> jelas.</li> </ul> <p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>masih</b> luas / terhad.</li> <li>• Unsur bahasa yang digunakan <b>masih</b> bervariasi.</li> <li>• Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat <b>kesalahan</b> ejaan yang <b>ketara</b>.</li> <li>• Penggunaan tanda baca <b>masih</b> betul dan tepat.</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>masih</b> menarik.</li> <li>• Laras bahasa <b>masih</b> sesuai mengikut tugasan.</li> <li>• Wacana <b>masih</b> lengkap.</li> <li>• Pemerenggan <b>masih</b> sesuai.</li> </ul>
<b>Penguasaan minimum</b>	<p><b>10 – 14</b> (12 – 14) (10 – 11)</p>	<p><b><u>Tema / Tugasan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>kurang</b> menepati tema bahan rangsangan / tugasan.</li> </ul> <p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>kurang</b> relevan dengan tema bahan rangsangan / tugasan.</li> <li>• Huraian <b>kurang</b> jelas.</li> </ul> <p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa <b>kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Kesalahan-kesalahan tatabahasa <b>ketara</b>.</li> </ul>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan kosa kata <b>terhad</b>.</li> <li>• Unsur bahasa yang digunakan <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li>• Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat <b>kesalahan</b> ejaan yang <b>ketara</b>.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>kurang</b> menarik.</li> <li>• Laras bahasa <b>kurang</b> sesuai mengikut tugas.</li> <li>• Wacana <b>kurang</b> lengkap.</li> <li>• Pemerenggan <b>kurang</b> sesuai.</li> </ul>
Tidak mencapai tahap penguasaan minimum (TMT)	1 – 9 (6 – 9) (1 – 5)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon <b>tidak</b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li> <li>• <b>Idea tidak menepati tema</b> bahan rangsangan / tugas.</li> <li>• <b>Banyak kesalahan bahasa</b> dari segi <b>kata</b> dan <b>ayat</b>.</li> </ul>

### Bahagian B : Karangan Respons Terbuka

[70 markah]

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	64 – 70 (68 – 70) (64 – 67)	<p><b>Tema / Tugas</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menjawab</b> tugas.</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>relevan</b> mengikut tugas.</li> <li>• Huraian <b>jelas</b> dan <b>matang</b>.</li> <li>• Contoh yang <b>sesuai</b>.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis ayat yang <b>gramatis</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis kata yang <b>luas</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>luas</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Ejaan dan tanda baca yang <b>betul</b>.</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa <b>bervariasi</b>.</li> <li>• Gaya bahasa <b>amat menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan <b>penggunaan ungkapan</b> seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>


PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		<p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>sangat menarik</b> dan <b>berkesan</b>.</li> <li>• Pemerenggan yang <b>sesuai</b>.</li> <li>• Wacana <b>lengkap</b> dan terdapat kesinambungan idea yang <b>jelas</b> antara perenggan.</li> <li>• <b>Laras</b> bahasa <b>sesuai</b> mengikut tugas.</li> </ul>
<b>Kepujian</b>	<p><b>55 – 63</b> (59 – 63) (55 – 58)</p>	<p><b><u>Tema / Tugas</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menjawab</b> tugas</li> </ul> <p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>relevan</b> mengikut tugas.</li> <li>• Huraian <b>jelas</b>.</li> <li>• Contoh yang <b>sesuai</b>.</li> </ul> <p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis ayat yang <b>gramatis</b> tetapi terdapat <b>kesalahan</b> yang <b>minimum</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis kata yang <b>tepat</b>.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>luas</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Ejaan dan tanda baca yang <b>betul</b>.</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa <b>masih</b> bervariasi.</li> <li>• Gaya bahasa <b>menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan <b>penggunaan ungkapan</b> seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>menarik</b> dan <b>berkesan</b>.</li> <li>• Pemerenggan yang <b>sesuai</b>.</li> <li>• Wacana <b>lengkap</b> dan terdapat kesinambungan idea yang <b>jelas</b> antara perenggan.</li> <li>• <b>Laras</b> bahasa <b>sesuai</b> mengikut tugas.</li> </ul>
<b>Baik</b>	<p><b>45 – 54</b> (50 – 54) (45 – 49)</p>	<p><b><u>Tema / Tugas</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih menjawab</b> tugas.</li> </ul> <p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>masih</b> relevan mengikut tugas.</li> <li>• Huraian <b>masih</b> jelas.</li> <li>• Contoh <b>masih</b> sesuai.</li> </ul> <p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis ayat yang <b>gramatis</b> tetapi terdapat <b>kesalahan</b> yang <b>minimum</b>.</li> </ul>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis kata yang <b>sesuai</b>.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>umum</b>.</li> <li>• Ejaan dan tanda baca <b>masih</b> betul.</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa <b>masih</b> bervariasi.</li> <li>• Gaya bahasa <b>menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang berkesan</b>.</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>masih</b> menarik dan berkesan</li> <li>• Pemerenggan <b>masih</b> sesuai.</li> <li>• Wacana <b>masih</b> lengkap.</li> <li>• Laras bahasa <b>sesuai</b> mengikut tugas.</li> </ul>
<b>Memuaskan</b>	<p><b>35 – 44</b> (40 – 44) (35 – 39)</p>	<p><b><u>Tema / Tugas</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih / kurang</b> menjawab tugas.</li> </ul> <p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>masih</b> relevan mengikut tugas.</li> <li>• Huraian <b>kurang</b> jelas.</li> <li>• Contoh <b>kurang</b> sesuai.</li> </ul> <p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ayat <b>kurang</b> gramatis.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis kata yang <b>terhad</b>.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>umum</b> dan <b>terhad</b>.</li> <li>• Ejaan dan tanda baca <b>betul</b> tetapi terdapat <b>kesalahan</b> yang <b>minimum</b>.</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li>• Gaya bahasa <b>kurang</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang berkesan</b>.</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>kurang</b> menarik.</li> <li>• Pemerenggan <b>kurang</b> sesuai.</li> <li>• Wacana <b>masih / kurang</b> lengkap.</li> <li>• Laras bahasa <b>kurang</b> sesuai mengikut tugas.</li> </ul>
<b>Penguasaan minimum</b>	<p><b>21 – 34</b> (28 – 34) (21 – 27)</p>	<p><b><u>Tema / Tugas</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>kurang</b> menjawab tugas.</li> </ul> <p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>masih</b> relevan mengikut tugas / <b>bercampur aduk</b>.</li> <li>• Huraian <b>tidak</b> jelas / <b>tidak</b> berkembang.</li> </ul>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh yang <b>tidak</b> sesuai.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ayat yang <b>tidak</b> gramatis tetapi <b>masih</b> difahami.</li> <li>• Penggunaan kata <b>kurang</b> tepat.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>umum</b> dan <b>terhad</b>.</li> <li>• Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang <b>ketara</b>.</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa <b>tidak</b> bervariasi.</li> <li>• Gaya bahasa <b>lemah</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>tidak</b> menarik.</li> <li>• Pemerenggan <b>tidak</b> sesuai / <b>tidak</b> seimbang.</li> <li>• Wacana <b>tidak</b> lengkap.</li> </ul>
Tidak mencapai tahap penguasaan minimum	1 – 20 (11 – 20) (1 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Keseluruhan</b> karangan <b>sukar</b> / <b>tidak</b> difahami.</li> <li>• Idea <b>tidak</b> relevan / <b>bercampur aduk</b> dan huraian <b>tidak</b> jelas / <b>tidak</b> berkembang serta contoh tidak sesuai.</li> <li>• <b>Keseluruhannya</b> menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang <b>tidak</b> gramatis.</li> <li>• Terdapat <b>kesalahan</b> ejaan dan tanda baca yang <b>ketara</b>.</li> <li>• Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>lemah</b> dan <b>tidak</b> menarik.</li> <li>• Pengolahan <b>tidak</b> menarik.</li> <li>• Pemerenggan <b>tidak</b> sesuai dan <b>tidak</b> seimbang.</li> <li>• Wacana <b>tidak</b> lengkap.</li> </ul>

Pemeriksa hendaklah memberi komen pada karangan yang diperiksa.

**Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:**

(            )	=	Kesalahan isi
_____	=	Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
/	=	Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
//	=	Kesalahan ejaan yang berulang
	=	Kesalahan tanda baca

**TAMAT**